

28 MAY 2001

Mahathir-Politik (Bergambar)

PENDAPAT POLITIK BERBEZA MENGELIRUKAN ORANG MELAYU

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Rakyat negara ini, khususnya orang-orang Melayu kini nampaknya keliru mengenai keadaan politik negara kerana mendengar pendapat yang berbeza-beza, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kalau dahulu politik negara mudah difahami kerana ianya bertujuan untuk memberi tempat yang sewajarnya kepada orang Melayu, sekarang ini, ada juga orang yang berpendapat bahawa tempat ini tidak penting kerana ada keperluan-keperluan lain yang lebih utama," katanya.

Beliau berkata tumpuan yang berlebihan kepada politik tidak membawa apa-apa makna kalau ianya tidak dapat difahami oleh rakyat, terutamanya orang-orang Melayu.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata demikian ketika melancarkan laman web Biro Tindakan Sivil Umno, di Muzium Kesenian Islam di sini.

Sementara itu Dr Mahathir berkata, kerja-kerja kebajikan adalah sesuatu yang tidak boleh dipertikaikan dan ia adalah sesuatu yang harus dibuat oleh semua.

Biro Tindakan Sivil, kata beliau, ditubuhkan supaya anggota-anggota Umno dapat bergerak aktif dalam soal kebajikan.

"Sebagai orang Islam, kita dikehendaki memainkan peranan yang besar dalam kegiatan-kegiatan kebajikan. Malangnya kita dapati, ramai daripada kita lebih cenderung kepada kegiatan-kegiatan lain dan tidak begitu berminat untuk membuat kerja-kerja kebajikan," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan adanya biro ini, Umno percaya kerja-kerja kebajikan akan dapat dibuat dengan cara yang lebih teratur dan mendatangkan kebaikan kepada mereka yang benar-benar memerlukan bantuan.

Beliau yakin cara ini akan dapat memberi lebih banyak makna kepada Umno sebagai sebuah pertubuhan politik.

"Kita dalam Umno perlu menolong orang supaya nasib mereka yang malang dalam masyarakat dapat diringankan dan dengan adanya Biro Tindakan Sivil ini, saya yakin perhatian akan dapat diberi kepada golongan rakyat yang memerlukan bantuan atau simpati," katanya.

Beliau berkata dalam usaha ini Umno tidak harus mengambil kira keturunan ataupun agama orang yang memerlukan perhatian tetapi "yang penting kita membuat kerja kebajikan."

Beliau juga berharap biro ini dapat dikembangkan ke seluruh negara dan dengan itu kerja kebajikan dapat diperluaskan supaya lebih ramai rakyat yang kurang bernasib baik akan dapat perhatian dan bantuan.

-- BERNAMA

SR ES PR